



SIARAN MEDIA

MINGGU BERSAMA PENCARUM LTAT 2023

Pelancaran Modul Celik Kewangan bagi Meningkatkan Perlindungan Sosial

KUCHING, 16 NOVEMBER 2023 – Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") akan menganjurkan program Minggu Bersama Pencarum 2023 selama enam (6) hari bermula pada 16 hingga 23 November 2023 bertempat di tiga **(3) kem tentera di Sarawak iaitu Kem Penrissen, Kuching, Kem Sri Miri, Miri dan lokasi yang terakhir di Kem Rascom, Sibul.** Majlis perasmian telah diadakan di Dewan Bukavu, Kem Penrissen, Kuching dan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Maznah Binti Abdul Jalil, Pengerusi Panel Pelaburan LTAT diiringi oleh YBhg. Dato' Nazim Abd Rahman, Ketua Eksekutif LTAT, YBhg. Laksamana Madya Dato' Zulhelmy bin Ithnain, Timbalan Panglima Tentera Laut, YBhg. Laksamana Madya Datuk Pahlawan Hj. Muhammad Ruzelme bin Hj Ahmad Ahmad Fahimy, Panglima Armada Timur dan YBhg. Lt Jeneral Dato' Mohd Sofi bin Md Lepi, Panglima Medan Timur Tentera Darat.

Program Minggu Bersama Pencarum 2023 diinspirasikan daripada program jerayawara (Roadshow) sempena sambutan Ulang Tahun LTAT ke 50 yang telah diadakan pada tahun lalu. Buat pertama kalinya, Bumi Kenyalang menjadi lokasi penganjuran program pada tahun ini bagi mendekati pihak berkepentingan utama LTAT iaitu pegawai dan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang berkhidmat di Sarawak setelah program yang sama berjaya dianjurkan di Kuantan, Pahang, Gemas, Negeri Sembilan dan Kota Kinabalu, Sabah pada tahun 2022.

Ketua Eksekutif LTAT, Dato' Nazim Rahman berkata, "Terima kasih kepada warga ATM di atas sokongan dan kepercayaan yang telah diberikan kepada LTAT selama ini dan pihak kami berharap agar program Minggu Bersama Pencarum ini dapat diteruskan pada masa akan datang selaras dengan usaha untuk meningkatkan keterlihatan LTAT dalam kalangan warga ATM. LTAT akan sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik buat semua pencarum kami".

Majlis turut menyaksikan pelancaran **Modul Celik Kewangan**, perkhidmatan nilai tambah terbaharu yang direka khas untuk para pencarum LTAT sejajar dengan Teras Ketiga Pelan

UNTUK EDARAN SEGERA

Strategik LTAT (MAMPAN25) iaitu meningkatkan kesejahteraan para pencarum dengan memperluaskan manfaat bagi meningkatkan kesejahteraan sosial selepas bersara.

“Pengurusan kewangan menyediakan *financial well-being* (kesejahteraan kewangan) yang mampan dan berdaya tahan untuk memenuhi semua keperluan kewangan pencarum. Melalui pengurusan kewangan yang berhemat, pencarum akan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh pada masa hadapan dan persaraan mereka akan menjadi lebih terjamin. Justeru itu, melalui modul ini, pencarum dapat meningkatkan pemahaman mengenai kesejahteraan kewangan secara menyeluruh, mengetahui mengenai pengurusan kredit, di samping dapat mempelajari cara menyediakan anggaran kewangan sendiri,” tambahnya lagi.

Modul Celik Kewangan LTAT menggariskan dua objektif utama iaitu:

- i) Untuk meningkatkan kesedaran terhadap kesejahteraan kewangan para pencarum serta menggalakkan tingkah laku pengurusan kewangan yang bertanggungjawab dan sikap rasional terhadap pengurusan kewangan; dan
- ii) Menggalakkan pencarum untuk membuat simpanan demi masa hadapan di samping pencegahan bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan.

Perlaksanaan program Minggu Bersama Pencarum ini turut mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk syarikat-syarikat Kumpulan LTAT seperti Kumpulan Boustead, Affin Bank Bhd, Affin Hwang Asset Management Bhd, Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA), Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) dan Yayasan LTAT. Pelbagai aktiviti menarik seperti *booth* pameran, cabutan bertuah, sesi taklimat, *Game Station* dan banyak lagi turut disediakan sepanjang program berlangsung.

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)
16 NOVEMBER 2023

UNTUK EDARAN SEGERA

Mengenai LTAT

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaharu, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

Sehingga kini, LTAT mempunyai seramai 116,456 pencarum ATM, dengan 110,792 pencarum yang aktif. Di bawah skim LTAT, pencarum wajib dikehendaki mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT.

LTAT menguruskan RM10.3 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat 30 September 2023 dengan pengisytiharan dividen sebanyak 5% kepada pencarum pada tahun 2022, selepas pembayaran tahun sebelumnya sebanyak 4.1% pada tahun 2021, 3.5% pada tahun 2020, 2.5% pada tahun 2019 dan 2% pada tahun 2018.

PERHUBUNGAN MEDIA:

Izzat Alhadjri
Pengarah,
Ketua Komunikasi

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my

No. Tel : +60192180792

Laman web : www.ltat.gov.my